

13/10/1997

Merealisasikan sekolah bestari melalui S-UJI

Syuhada Choo Abdullah

SEJAK zaman teknologi maklumat (IT) mengambil alih era global, pelbagai reka cipta baru dihasil atau sekurang-kurangnya disarankan ke arah penyelesaian hidup yang lebih canggih dan selari dengan arus moden.

Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengilhamkan Koridor Raya Multimedia (MSC), pelaksanaan sekolah bestari turut tercetus sebagai salah satu daripada tujuh aplikasi perdana projek mega berkenaan.

Secara umum, komputer dan perisian pasti akan bergandingan dengan tenaga guru memainkan peranan utama dalam proses pengajaran serta pembelajaran di sekolah bestari yang dijadual mula beroperasi pada 1999.

Malah, ada ura-ura bahawa pelajar mungkin tidak perlu lagi membawa buku ke sekolah bestari nanti, sebaliknya akan digantikan dengan perisian mata pelajaran.

Justeru, sekumpulan tenaga mahir dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tidak mahu ketinggalan menjalankan projek penyelidikan terbaru yang hasilnya kelak mungkin menyumbang ke arah gaya persekolahan yang semakin maju.

Dengan tajuk utama 'Pembangunan Perisian Untuk Memotivasikan Literasi Melalui Pendekatan Multimedia', projek yang menelan perbelanjaan kira-kira RM400,000 itu dibiayai oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di bawah program Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang Keutamaan (IRPA).

Diterajui oleh Ketua Jabatan Sains Maklumat, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat UKM, Prof Madya Dr Halimah Badioze Zaman, projek itu dibahagikan kepada pembinaan perisian dan pembangunan enjin multimedia.

Bagi pembangunan enjin multimedia, program itu mengandungi tiga projek penting, iaitu S (senang)-UJI, S-AVA (Audio Visual Archiving) dan S-ABC (Automated Book Creator).

S-AVA adalah enjin multimedia untuk memudahkan proses perolehan, penyimpanan dan pengagihan segala objek multimedia seperti gambar, bunyi serta video, manakala S-ABC pula ialah enjin pengarang bagi menghasilkan buku elektronik yang mudah dan sesuai digunakan oleh pelajar pada peringkat sekolah rendah mahupun menengah.

Menerangkan lebih mendalam mengenai projek S-UJI pula, Timbalan Pengarah Pusat Komputer UKM juga ketua sub kumpulan pembangunan enjin multimedia, Prof Madya Dr Aziz Deraman, berkata antara tujuan utama usaha berkenaan ialah membolehkan penyediaan soalan peperiksaan yang lebih dinamik di samping membantu memudahkan tugas penilaian markah oleh guru mahupun pensyarah.

"Sebagai contoh dalam peperiksaan secara konvensional, pelajar diberi kertas soalan dan dikehendaki menjawab tetapi guru tidak dapat bertanya secara lebih khusus seperti bagaimanakah bunyi suatu jenis burung itu."

"Namun, perisian sedang dibina enjinnya ini menggunakan ciri multimedia yang membolehkan guru mengemukakan soalan dinamik membabitkan semua objek sedia ada di sekeliling seperti bunyi, gambar video serta imej."

"Ini bermakna pelajar hanya perlu klik soalan di komputer dan memilih jawapan, misalnya mendengar serta mengecam bunyi yang betul untuk suatu jenis burung itu."

"Maka dengan soalan multimedia ini, guru boleh menguji secara lebih kreatif dalam peperiksaan kerana mereka boleh tanya mengenai bunyi di samping menampilkan gambar serta imej."

"Motivasi kita ialah memberi kemudahan kepada pelajar untuk menjalani ujian berdasarkan kemampuan mereka serta kemudahan yang ada tetapi kita

masih mengekalkan segala disiplin peperiksaan, termasuk mengawal masa diperuntukkan bagi suatu kertas mata pelajaran itu," katanya.

Dr Aziz berkata, guru dan pensyarah boleh menyediakan soalan berbentuk objektif, aneka pilihan serta mengisi tempat kosong dalam perisian.

Di samping itu, katanya, guru dan pensyarah juga dapat mengetahui markah pelajar dengan cepat kerana penilaian akan dilakukan secara automatik oleh komputer tetapi masih dikawal oleh tenaga pengajar.

Malah, beliau berkata, pihaknya sedang membuat kajian mengenai cara untuk membolehkan komputer turut membantu menilai jawapan berbentuk esei.

Menurutnya, kemudahan sedemikian dapat membantu meringankan beban tugas guru, lebih-lebih lagi pensyarah di universiti yang perlu menangani ramai pelajar dan menilai hasil esei mereka yang pasti memakan banyak masa jika dikendalikan secara manual.

Bagaimanapun bagi menggunakan S-UJI untuk mengendalikan peperiksaan di sekolah atau universiti, Dr Aziz berkata, pelajar dan guru mesti memiliki literasi atau kemahiran penguasaan komputer.

Walaupun membayangkan perisian berkenaan boleh mula digunakan pada peringkat pertama, awal tahun depan, beliau berkata, pihaknya masih belum mengadakan sebarang perbincangan atau mengemukakan usul kepada Kementerian Pendidikan berhubung penggunaan S-UJI di sekolah kelak.

Sebaliknya, Dr Aziz bercadang untuk berunding dengan kerajaan negeri bagi melaksanakan projek itu secara perintis di sebuah sekolah untuk menilai keberkesanan penggunaan S-UJI sebelum berbincang dengan Kementerian Pendidikan jika berjaya.

Bagi peringkat universiti pula, Dr Aziz berkata, beliau ingin menjadikan kelasnya sebagai perintis sebelum dikembangkan ke universiti lain.

"Banyak isu perlu diteliti dalam menjalankan projek ini, terutama di segi keselamatan," katanya.

(END)